

## Pemerkasaan Islam Sosial dalam Konteks Peradaban Semasa

Mohamad Abu Bakar  
Penyandang ke-12, Kerusi Tun Razak  
Ohio Universiti

email: [mabtdi@yahoo.com](mailto:mabtdi@yahoo.com)

**Published:** 30 December 2023

**To cite this article (APA):** Abu Bakar, M. (2023). Pemerkasaan Islam Sosial dalam Konteks Peradaban Semasa. *Munsyi Jurnal Pengajian Sejarah*, 1(2), 1–8. <https://doi.org/10.37134/munsyi.vol1.2.1.2023>

### Abstract

Islam sebagai agama, cara hidup dan peradaban dewasa ini sedang menerima tekanan daripada berbagai penjuru. Perkembangannya yang meluas dan merata telah membawa kepada pertembungan dalam berbagai keadaan dan di berbagai peringkat. Situasi ini menjadi sebahagian daripada landskap global semasa. *Islamophobia*, kebencian atau kemarahan terhadap Islam, yang dijelmakan dalam berbagai ragam, merupakan di antara ciri-ciri utamanya.

Paling ketara dalam pertembungan ini ialah penolakan dan penentangan terhadap Islam dalam politik, atau *political Islam*. Percubaan menempatkan Syariah dalam pemerintahan dan pentadbiran, termasuk di negara berpendudukan majoriti Muslim, seringkali mewujudkan ketegangan, kadangkala pertumpahan darah. Islam yang cuba direalisasikan pada skala kecil pun, menerusi ibadat khusus seperti sembahyang, atau pemakaian, tidak terlepas daripada serangan. Masjid menjadi sasaran, dan wanita yang bertudung dan berjilbab menjadi mangsa kecaman.

Islam di peringkat individu, dalam situasi dan kondisi tradisionalnya, juga jauh sekali daripada merupakan suatu kenyataan yang berimpak, apabila anggota ummah sekadar tertumpu di masjid dan surau, untuk beribadat, atau kunjung mengunjungi pada musim raya atau bantu membantu semasa dharurat. Komitmen dan kegiatan berkala dalam “privatized Islam” ini hanya mengekalkan konservatisme yang sedia wujud, dan tidak memberi kesan bermakna dan berpanjangan ke atas persekitaran besar. Amalan sufisme yang meuncul di sana sini hanya mampu mengekalkan nilai-nilai agama menerusi perkumpuan tariqat, tetapi ia umumnya tidak menjalar jauh ke dalam tubuh masyarakat besar.

Peradaban Islam yang berpotensi terbugar dalam persekitaran Islam sebagai agama dan cara hidup sudah pasti berdepan dengan konstrain atau kekangan. Nilai-nilai keagamaan hanya mampu menyusup dan menyerap dengan aktif dalam situasi anggota ummah berkedudukan dan berupaya menghayati tuntutan keagamaan dalam semua segi kehidupan. Ternyata di mananya, hatta di negara Muslim di mana Islam sudah sedia bertapak ratusan tahun, suasana ini tidak kedapatan. Tambahan pula pembawaan dan pengamalan para pengikut sendiri adalah

begitu lemah, sehingga Islam sebagai budaya dan tamadun tidak langsung menyerlah. Dalam keadaannya sedemikian, ia kehilangan kedinamikan, ia itu faktor yang membolehnya berdaya saing dan berdaya juang dalam persekitaran yang menyelubunginya. ‘Civilizational Make-up’ atau ‘Gubahan Ketamadunan’ sebagai natijah daripada keberadaan Islam itu tidak muncul.

**Kata Kunci:** Pemerkasaan, Peradaban, Islam Sosial, Ketamadunan, Malaysia Madani

### ***Pendekatan Islam Sosial***

Antara *Political Islam* dan ‘Islam Peribadi’ (*Personal Islam*), maka di sana terdapat satu lagi pembabitan Islam yang boleh dilabel sebagai *Sosial Islam* atau Islam Sosial. Kehidupan kemasyarakatan Islam sememangnya sudah sedia dimajukan di bawah berbagai tajuk, termasuk *Hablun Minan Nas*, *Fiqah Muamalat* dan *Fardhu Kifayah*. Malah bukan sedikit aspek-aspek daripadanya terangkum di bawah kehidupan politik Islam atau kehidupan peribadi Muslim sendiri, disebabkan kedua-duanya ini juga berdimensi sosial atau berimplikasi sosial. Daripada sudut ini, kita masih boleh bertitik-tolak daripada pegangan dan pemahaman Islam ini bagi maksud membugar ‘Islam Sosial’ ini.

Dalam kehidupan Muslim yang wujud masa kini, dasar kemasyarakatan yang dimaksudkan di atas sedia terjelma dan terjelas terutama sekali dalam munakahat, muamalat dan jenayah, dan sebahagiannya dalam pengaplikasian tuntutan-tuntutan lain dalam al Quran dan Hadis yang menyentuh muslihat umum atau obligasi sosial.

Persoalan yang mahu diketengahkan di sini ialah potensi besar sebenar Islam sosial sebagai pembugar peradaban Islam dalam konteks semasa - iaitu potensi yang belum betul-betul diterjemahkan atau dihayati menjadi kehidupan yang dinamik.

Hal ini dapat dilihat daripada dua segi.

Pertama, ialah pemurnian dan pengluasan ruang lingkup munakahat, muamalat dan jenayah, dengan gagasan kemanusiaannya, di peringkat masyarakat.

Kedua, pengamalan lebih besar dan berimpak syor dan seruan agama yang menyentuh keadilan, amanah atau akauntabiliti, budaya kerja beretika, kesungguhan dalam pelaksanaan tugas, kebersihan dan kecantikan, kecaknaan sosial, keselamatan umum, dan keindahan alam sekitar.

Sehubungan ini, manusia sebagai anggota masyarakat dituntut supaya beradab dan berjiwa besar. Dia berakhhlak mulia, beretika dan berhemah, jujur dan amanah, berbuat baik dan sentiasa berterima kasih di atas perolehannya, hormat menghormati dan kasih mengasihi se sama manusia, bertindak berdasarkan pengetahuan dan tidak berpersangkaan buruk terhadap mereka, merahsia keaiban orang lain, tidak berpandangan rendah terhadapnya serta bersegera memaafkan kesilapan mereka, di samping mempunyai kecenderongan kepada kebersihan dan kecantikan. Daripada perspektif Islam, senarai ini boleh dilanjutkan untuk meliputi tegahan

supaya tidak menzalimi orang lain, tidak mencerca dan tidak bermusuhan berpanjangan. Konsep ‘Caring Society’ yang mahu dijelmakan oleh Islam adalah sesuatu yang begitu unggul sekali. Manakala insan yang cuba dibangkitkan untuk beroperasi di pentas kehidupan merupakan *role model* yang bertindak daripada kedudukan yang mulia (*high moral ground*).

Dimensi pro-sosial Islam sangat nyata dalam tatususila, tatacara dan tatalaku yang dikemukakan ini. Sebahagian besar daripada “Kesukaan Allah” menyentuh perhubungan se sama manusia. Penekanan kepada kedudukan *hablun minan nas* ini adalah sebegitu rupa sehingga manusia di wajibkan menyelesai urusan hutang piutang, janji dan kesalahan se sama mereka oleh mereka sendiri.

Dalam keadaan *political Islam* terhimpit dan Islam peribadi tersudut, kedudukan Islam sosial umumnya masih selesa; malah potensinya jelas kedapatan di mana-mana, sama ada di kalangan sesama Muslim atau dalam hubungan Muslim dan bukan-Muslim. Ringkasnya, saluran sosial ini semacam menunggu untuk digunakan seluas-luasnya oleh para pengikut agama.

Islam sebagai “Rahmat kepada Sekalian Alam” akan semestinya mendapat penterjemahan bermakna sekiranya *parameter* atau perenggan hidup diperluaskan mengikut tuntutan agama. Sudah tiba masanya untuk anggota ummah mengkoreksi atau membaiki keadaan, setelah berlarutan ketinggalan. Sebagai anggota ummah yang terlonjak oleh pernyataan bahawa “Islam itu tinggi dan tidak ada yang lebih tinggi daripadanya”, dan “Allah itu cantik dan Ia menyukai kecantikan”, maka segala kekurangan yang ada pada mereka seharusnya ditangani segera.

### **Pembugaran Dasar Awam Islam dalam Konteks Kemasyarakatan Semasa**

Tidak dinafikan bahawa di sepanjang sejarah ummah, dasar-dasar Islam yang melibat perkahwinan dan penceraian (*marriage and divorce*), yang terangkum di bawah munakahat, perniagaan dan jual-beli, yang tertakluk di bawah muamalat, dan pengurusan kesalahan dan hukuman (*crime and punishment*) yang terkandong dalam bab jenayah, telah membingkaikan masyarakat sebegitu rupa sehingga ia bergerak secara tersusun, dan mewujudkan keamanan. Begitu juga dengan amalan zakat, qurban dan sedekah, serta waqaf, yang masing-masingnya telah menyumbang kepada kesetabilan sosial dan kesejahteraan umum. Idea ‘gotong royong’ dalam masyarakat tradisional, serta tindakan dan gerakan segera bagi menangani dharurat, seperti banjir dan kebakaran, dalam bentuk perlindongan dan pusat penyediaan makanan dan pakaian diakui sudah sedia kedapatan. *Crash Program* sebegitu sememangnya sentiasa wujud di mana-mana di dunia Islam.

Namun begitu, jangkuan dan pengamalan dasar awam Islam ini belum benar-benar bersifat menyeluruh, dan ini mengganggu proses penghayatan Islam sebagai suatu cara hidup yang konfrehensif. Selama dan selagi keseluruhan masyarakat tidak terjamah oleh dasar awam dan etika sosial Islam, maka selama itulah ia tidak bergerak sepenuhnya dalam celupan atau *Sibgah Allah*, atau acuan keagamaan.

Sebagai contoh, perkahwinan dengan pemberatannya kepada *mawaddah* dan *sakinah*, boleh menjadi pemangkin kepada transformasi sosial lebih besar yang menggabung kehidupan

kekeluargaan. Apabila saluran ini diperluaskan, maka perzinaan semakin terhindar, keturunan semakin terbela dan pewarisan semakin terjamin. Proses ini turut melibat penjagaan kanak-kanak, ia itu satu lagi dimensi penting kehidupan sosial. Kursus kahwin dan kaunseling, dan khutbah nikah, menepati keadaan dan keperluan, tetapi bagi menjamin sosialisasi atau pemasyarakatan Islam berpanjangan, program susulan wajar disediakan, sebagai langkah gandaan dan gandingan.

Begitu juga dalam bidang fiqh muamalat, yang mencakupi dunia perniagaan yang sentiasa berkembang dan membesar. Perdagangan dan pemasaran barang yang berangkaian dengan luar dan semakin terjalin secara *online* amat terdedah kepada manipulasi, penipuan, pemalsuan dan pengaruh negatif. Anggota ummah bukan sahaja memerlukan pengetahuan untuk mengambil bahagian dalam transaksi ini, tetapi juga kesedaran dan keupayaan untuk berurusan secara inovatif serta beradab dan beretika.

Pengurusan jenayah dan pengamalan *al hudud* secara tradisional bertujuan menjaga nyawa dan harta, atau pencabulan hak Allah, mempunyai batasannya dengan penularan gejala sosial, jenayah merentasi sempadan (*cross-border crimes*), penyeludupan manusia (*human trafficking*), pengedaran dadah dan perniagaan senjata secara haram. Pendekatan yang kreatif menggunakan teknologi dan peralatan terkini adalah satu aspek dalam pengurusan ini, tetapi tidak kurang pentingnya ialah adunan nilai-nilai keagamaan dalam kaedah dan komitmen dalam mengatasi jenayah.

Malah dalam konteks sembahyang, zakat dan haji yang menjadi rukun Islam, terdapat ruang besar yang belum sepenuhnya terisi oleh nilai-nilai sosial.

Sembahyang berjemaah kadangkala tidak lebih daripada acara beratur dalam syaf dan berwirid beramai-ramai selepas solat, sebelum bersurai untuk bertembong semula pada waktu sembahyang yang lain. Anggota makmun datang dan pergi tanpa mengenali satu sama lain, dan jauh sekali berinteraksi dengan mesra sehingga menempah silatulrahim yang membuka jalan kepada berbagai kerjasama. Pembayar dan penerima zakat berada dalam dunia yang berlainan, dengan masing-masing membawa diri selepas menunaikan kewajipan atau menerima habuan. Falsafah di sebalik zakat, sebagaimana *waqf*, tidak menyelinap dalam aksi dan reaksi yang menghubungkan mereka yang berkenaan dalam kesatuan hidup bersama, bantu membantu, dan lengkap melengkapi. Amalan haji dengan ritus-ritusnya ketika di tanah suci atau semasa berada di Madinah yang membawa kepada perkenalan dan menjana persahabatan, seringkali berakhir begitu sahaja apabila masing-masing anggota jemaah pulang ke tanahair.

‘Gotong Royong’ yang telah diinstitusikan atau dilembagakan sebegini rupa sehingga ia menjadi suatu trend yang merata di desa dan kampong, tidak bersemarak di arena bandar dan bandaraya, sedangkan begitu banyak terdapat kawasan perumahan, taman awam dan tanah perkuburan yang kelihatan terbiar dan tidak terurus.

Beberapa penerokaan berdasarkan muamalat Islam seperti perbankan tanpa faedah dan takaful, dengan segala pencapaiannya yang mengagumkan, belum mencecah tahap berimpak merata.

Pusat jagaan anak yatim dan orang tua, ziarah hospital dan jejak kasih sememangnya semakin menciri masyarakat Muslim, namun segalanya itu belum bertukar menjadi suatu arus perdana dalam negara.

Sudah sekian lama orang Islam terdedah kepada tuntutan-tuntutan agar berbuat baik: “Orang yang baik ialah orang yang baik kepada orang lain”, “Orang yang paling baik di kalangan kamu ialah mereka yang baik terhadap orang lain”, “Terbaik di kalangan kamu ialah mereka yang baik kepada keluarganya” dan *Faztabikul khairat* atau “Berlumba-lumbalah untuk berbuat kebajikan”. Sepatutnya gagasan dan gesaan ini telah menggerak orang Islam di mana-mana untuk bertindak secara serius, kreatif dan inovatif untuk berperanan sebagai khalifah Allah. Dengan keperluan semasa daripada kalangan ahli masyarakat yang tertekan dan terhimpit, akibat daripada ketiadaan makanan dan tempat tinggal, gejala sosial dll., maka tuntutan-tuntutan yang sebatی dalam pengajaran Islam ini seharusnya di angkat bagi direalisasikan dalam konteks sosial.

Sekiranya di ambil kira lapangan hidup yang merangkumi taman awam, kelab rekreasi, padang permainan dan riadah, dengan kafetaria dan tandasnya, maka persoalan yang terbangkit tidak terhad kepada pemakanan halal dan pakaian menutup aurat. Sedangkan ahli dan tamunya, peserta dan penonton, kesemuanya dituntut menunjuk perangai dan perbuatan yang selari dengan ajaran agama. Jalanraya dan kawasan letak kereta seringkali ‘dicemari’ oleh pengguna kenderaan yang melanggar peraturan atau tidak berkesedaran sivik.

Penganut agama yang berperwatakan Islam, ia itu mereka yang beriman dan beramal, atau beradab dan berjiwa besar, berbekalkan ciri-ciri yang diketengahkan di atas, seharusnya secara otomatis menjadi penyumbang kepada proses sosial ini. Mereka bersikap sensitif kepada kenyataan dan keperluan hidup yang menyelubungi mereka, lebih-lebih lagi setelah pihak lain, daripada golongan bukan-Islam, telah pun membuat penerokaan berbagai bagi menangani realiti sosial di sekeliling mereka. Tanpa ini semua, *Islamic ambience* atau suasana keIslam yang menjanjikan pulangan bersifat ketamadunan tidak akan menjadi kenyataan. Tanpa ini semua, identiti Islam sebagai satu cara hidup yang baik tidak dapat bertahan lama.

### ***Prinsip Kemasyarakatan Islam dan Proses Pentamadunan***

Pendirian dan pegangan Islam berhubung kehidupan sosial secara logiknya menjurus kepada pembentukan berperadaban. Proses pentamadunan boleh berlaku bukan sahaja dalam masyarakat Muslim, tetapi juga mampu terterap dalam interaksi antara orang Islam dan bukan-Islam. Dalam persekitaran hidup masa kini, khasnya berikutan penbadaran atau urbanisasi, penhijrahaan atau migrasi, dan pensejagatan atau globalisasi, jaringan dan jalinan manusia daripada berbagai penjuru dan lapisan, semestinya mempertemukan mereka kepada nilai-nilai berbeda termasuk Islam. Sehubungan inilah interaksi boleh membawa kepada persembahan bersifat ketamadunan, sekaligus menjadi hidangan yang menawan.

Tidak sukar untuk memahami pembesaran sempadan kehidupan yang mampu menjadi gelanggang baru atau bertambah kepada Islam sosial. Di dalam negara, pembadaran atau urbanisasi telah menyaksikan puluhan ribu orang Islam berhijrah ke bandar dan bandaraya untuk

bekerja, belajar atau untuk tinggal terus sebagai warga kota. Migrasi manusia pula melibat penghijrahan orang Islam ke bumi bukan Islam, seperti yang berlaku di Barat. Kini di kalangan mereka terdiri pelarian dari Somalia dan Kemboja, di samping orang Arab, Turki dan Pakistan, yang sudah lama berpindah ke England, Perancis dan Jerman, sebagai contoh. Jumlah Muslim di United Kingdom mewakili 4.4 % daripada penduduk negara tersebut, ia itu dalam angka 3 juta setengah. Di anggar seramai 5 hingga 6 peratus Muslim mendiami di negara Jerman. Di Perancis terdapat sekitar 4 juta Muslim. Di benua Eropah keseluruhan orang Islam dianggar berjumlah 44 juta, iaitu 5 peratus daripada penduduk benua tersebut. Jumlah Muslim di Amerika Syarikat telah meningkat mencecah hampir 4 juta orang, sebahagian besar daripada mereka tinggal di Michigan, Illinois, Virginia dan Texas. Sementara di Malaysia kebanjiran pendatang luar termasuk pendatang tanpa izin adalah begitu ramai sehingga kelompok-kelompok mereka di bandar dan di luar bandar kelihatan begitu menonjol. Kesemua ini adalah pengluasan medan yang terbuka bagi penyemarakan Islam sosial.

Penduduk Islam yang berkualiti merupakan penyalur nilai atau *transmitters of values*, di tengah-tengah masyarakat besar, seperti di Barat, atau apabila mereka bersua dan berurusan dengan kelompok lain, seperti yang sedang berlaku di Malaysia berikutan kehadiran pendatang luar.

Daripada sudut lain, Muslim yang berkualiti ini mampu mengatasi *trust deficit*, setelah sebegini lama wujud prasangka terhadap agama Islam. Usaha mengoreksi imej Islam menerusi ucapan dan penulisan belum dapat mengatasi keadaan negatif tersebut, namun menerusi ‘peradaban yang berjalan’, maka pihak yang selama ini memusuhi Islam berkemungkinan terdamai atau tertarik untuk menganut nilai-nilainya. Bukankah perbuatan adalah pengucapan yang lebih petah sebagaimana yang diungkap oleh para ulama.

Kehidupan sosial yang benar-benar mewaikili nilai keagamaan akan terhidang sama dalam persekitaran yang semakin membesar akibat urbanisasi, migrasi dan globalisasi ini. Pemerkasaan kehidupan bermasyarakat mengikut pola atau lunas keagamaan akan mewujudkan gubahan peradaban di persada ini, sekaligus mempamerkannya kepada bukan-Islam tentang kerelevan beragama. Golongan yang terjebak, si miskin, tidak berumah, gelandanan, pelarian, pensakit, penganggur, mangsa penderaan, mangsa gangguan seks dan mangsa perkauman, berkedudukan menerima sokongan dan bantuan daripada peradaban.

Dakwah dalaman dan dakwah ke luar menjadi suatu kenyataan apabila kehidupan sosial dimajukan menerusi aktiviti yang bersaluran dan bersasaran. ‘Purposive Socialization’ akan berlaku apabila manusia dan masyarakat bersua dengan adegan yang berisi nilai-nilai peradaban, yang membahu kehidupan dari semua segi. Kehidupan beradab di peringkat peribadi dan kemasyarakatan yang nyata dan ketara boleh bertukar menjadi *stereotype* dan *trademark* dalam pengenalan ini, sambil memaparkan imej yang menarik.

Dewasa ini, jumlah Muslim dan bukan-Muslim yang memerlukan pembelaan, sama ada dalam dunia Islam atau di luarnya, semakin membesar. Islam sebagai penyelesaian sosial dengan formulanya yang tersendiri tercabar sama untuk memberi solusi. Cabaran ini semakin

membesar apabila pihak-pihak lain, atas nama ‘Red Cross’, ‘The Good Samaritans’ atau seumpamanya juga kekal aktif dan bersaing dengan golongan Islam di arena yang sama. Bagi anggota masyarakat yang terdesak dan memerlukan pembelaan, apa sahaja pertolongan yang dihulurkan akan didakap.

Sekiranya *democratic milieu* atau persekitaran demokrasi sebagaimana yang wujud di Barat terutama sekali menjadi suatu realiti yang berkembang, maka Islam mampu menular bukan sahaja menerusi masjid dan makanan halal, tetapi juga menerusi adegan dan aksi sosial yang memajukan keadilan dan keselamatan, ia itu suatu keperluan dan tuntutan sejagat yang dipoparkan oleh semua pihak, Muslim dan bukan-Muslim. Pendekatan sosial ini juga berkemungkinan mempunyai kesan dalam hubungan kaum di Malaysia.

### ***‘Malaysia Madani’ dan Masyarakat Berwawasan Islam***

Malaysia sudah acapkali di perkenalkan dengan pendekatan sosial bagi mengurus dan memartabatkan kehidupan. ‘Wawasan 2020’, ‘Islam Hadhari’, ‘Gerakan 1 Malaysia’, ‘Keluarga Malaysia’ dan terakhir ‘Malaysia Madani’, dengan dasar kemampunan dan kesejahteraannya, termasuk program “Menu Rahmah” nya, kesemuanya berimplikasi kemasyarakatan. Persoalan penting ialah untuk membingkaikannya dalam acuan keIslam, supaya kerja dan komitmen memberi pulangan yang diredai oleh Allah. Atau dalam bahasa yang lain, bagi mempastikan ‘spirit’ dan ‘substance’ Islam berkembang bergabungan.

Barangkali trend Islam sosial yang membabit pertubuhan bukan-kerajaan (NGOs) di Indonesia lebih ketara dengan kewujudan pergerakan seperti Muhammadiyah dan Nahdatul Ulama yang tersasar kepada maslahah ummah. Masyarakat Madani atau *Civil Society* yang ditempa melalui ‘Keluarga Sakinah’, ‘Kampong Bahagia’, *harakah ta’wun* dan ‘kemajuan komuniti’ dipercayai boleh membawa kepada pembinaan watak (*character building*) dan kebahagian semua.

Segala usaha menjadi ibadat sekiranya ia didasari oleh niat yang betul dan diurus pula dengan betul mengikut kacamata keagamaan. Ini adalah ‘baseline’ dalam falsafah Islam, dan ia juga adalah asas dalam amalan sosial. Kerja-kerja amal hanya menjadi bermakna apabila ia disemangati dan disusuli oleh pertimbagaan keagamaan. Bukan nama perancangan atau projek yang menentukan keislaman, tetapi niat yang membekakinya. Oleh itu penjenamaan seperti “Kampong Islam” atau “Bandar Islam” tidak sepenting mana berbanding dengan kandongan atau isi kampong atau bandar tersebut.

Pemerksaan ‘Islam Sosial’ di Malaysia adalah suatu tuntutan dalam konteks ‘Hablun Minan Nas’, dan ‘Fardhu Kifayah’. Sungguhpun gejala yang kedapatan memperlihatkan kecenderongan ini, namun potensi ‘Islam Sosial’ untuk berperanan lebih luas adalah sangat besar. ‘Islam Sosial’ seharusnya menjiwai para penganut agama bukan sahaja kerana ia adalah salah satu ciri penting dalam kehidupan bermuamalah, tetapi juga disebabkan pembugarannya mempengaruhi sama ke atas amalan Islam di peringkat peribadi.

## **RUJUKAN**

Makalah ini merupakan ucapatama yang disampaikan di Persidangan Kebangsaan Sejarah & Budaya Masyarakat Madani 23 (Persada-23), anjuran Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris pada 9-10 November 2023 di Auditorium Perpustakaan Tunku Bainun, UPSI.